

25/05/1997

Libya, Malaysia mahu kukuh hubungan niaga

Noreha Mohd Ripin in Tripoli

TRIPOLI: Libya mahu Tripoli dan Kuala Lumpur merangka langkah positif bagi mempererat dan mengukuhkan hubungan persahabatan serta perdagangan di antara kedua-dua negara.

Setiausaha Agung Hal Ehwal Luar Kongres Rakyat Libya, Saed Mousber berkata demikian ketika dikunjungi rombongan Ahli Parlimen Malaysia yang diketuai Datuk Nazri Tan Sri Aziz di pejabatnya di sini, semalam.

Rombongan Ahli Parlimen Malaysia tiba di sini lewat kelmarin dan disambut oleh Setiausaha Rendah Hal Ehwal Luar, Dr Salem I Salem.

Mousber berkata, sejak lawatannya ke Malaysia pada 1995, hubungan di antara kedua-dua negara kekal pada tahap yang tidak memuaskan.

"Saya sendiri tidak dapat jelaskan kenapa tahap hubungan dagangan di bawah jangkauan walaupun Kuala Lumpur dan Tripoli sudah menjalin hubungan persahabatan sebelum ini," katanya.

Beliau berkata, Tripoli dan Kuala Lumpur perlu saling membantu untuk mengubahnya melalui pertukaran lawatan dan idea supaya kedua-dua negara dapat saling memahami di antara satu sama lain.

Mousber berkata, kedua-dua negara harus lebih bertanggungjawab di atas perkembangan kurang memberangsangkan ini.

"Satu-satunya jalan untuk saling memahami terutama Libya yang dianggap pengganas oleh negara Barat adalah melalui peningkatan hubungan," katanya.

Beliau berkata, hubungan persaudaraan yang baik di antara Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin Libya, Kolonel Muammar Gaddafi patut dijadikan sandaran dalam rangka hubungan di antara kedua-dua kerajaan.

"Kita perlu bina keyakinan sebagai asas untuk memasuki hubungan yang lebih bermakna," katanya.

Datuk Nazri dalam pertemuan itu pula berkata, beliau percaya hubungan di antara kerajaan Malaysia dan Libya terus baik walaupun dihalang oleh sekatan PBB.

Mousber berkata, Libya bersedia melakukan yang sewajarnya untuk meningkatkan hubungan dengan Malaysia supaya dapat menghapus tanggapan buruk terhadap negara itu sejak sekatan lima tahun lalu.

(END)